

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan nisbah kaum di kalangan penjawat awam dalam setiap Kementerian dan agensi Kerajaan setiap tahun daripada 2010 hingga 2014.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengisian keseluruhan dalam perkhidmatan awam termasuk kementerian, negeri dan agensi-agensi di bawahnya sehingga Disember 2014 adalah seramai **1,606,463 pegawai**. Daripada jumlah tersebut, seramai **78.8% Melayu, 6.1% Bumiputera Sabah, 4.8% Bumiputera Sarawak, 0.3% Bumiputera Lain, 5.2% Cina, 4.1% India dan 0.7% lain-lain bangsa.**

Walau bagaimanapun, jika tidak mengambil kira pengisian dalam Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Polis, pengisian mengikut kaum menunjukkan **77.7% Melayu, 6.4% Bumiputera Sabah, 4.5% Bumiputera Sarawak, 0.2% Bumiputera Lain, 6.2% Cina, 4.4%, India dan 0.6% lain-lain bangsa.**

Jumlah keseluruhan pegawai di kementerian dan agensi adalah seramai **1,450,041 orang** dan diagihkan mengikut keperluan dan peranan masing-masing tanpa mengira kaum.

68

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pegawai bukan Bumiputera termasuk kaum Cina adalah rendah disebabkan permohonan mereka untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam adalah rendah. Berdasarkan data permohonan memasuki perkhidmatan awam, pada tahun 2014 menunjukkan permohonan kaum Melayu adalah sebanyak **1,233,002 (78.9%)** manakala kaum Cina adalah sebanyak **31,719 (2%)** sahaja.

Ahli Yang Berhormat juga perlu turut melihat isu ini dalam sektor swasta dimana pengisian didominasi oleh satu kaum sahaja berbanding kaum-kaum lain.

Sekian. Terima kasih.